

21 APR 1997

Mahathir-Cenfad

MAHATHIR LAWAT PUSAT REKABENTUK

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pusat Rekabentuk Wawasan (Cenfad), yang diwujudkan di sini dengan penggabungan dengan Sekolah Rekabentuk Parsons, New York.

Dr Mahathir berada lebih satu jam di pusat yang berharga RM6 juta itu yang ditubuhkan pada tahun lepas.

Pusat itu mempunyai kemudahan seperti makmal komputer digital, sebuah perpustakaan, kedai alat dan kemudahan bagi sidang video dan pembelajaran dan pengajaran jarak jauh.

Pengerusi Kajian Liberal Cenfad Michael Barrett, dalam taklimatnya kepada Dr Mahathir, berkata pusat itu akan cuba mendidik rakyat Malaysia dan penduduk Asia Tenggara dalam berurusan dengan keperluan rekabentuk mereka.

Beliau berkata pusat itu akan melengkapkan para pelajar dengan alat-alat untuk membantu mereka menjadi perekabentuk bertaraf dunia.

Barrett berkata Parsons telah menghasilkan beberapa perekabentuk terkenal seperti Donna Kanan and Zang Toi.

Cenfad kini mempunyai 34 pelajar dari Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Mereka yang menamatkan kursus selama empat tahun akan menerima Sarjana Muda Seni Halus dari Parsons manakala mereka yang mengikuti kursus tiga tahun menerima Diploma Seni Halus. -- BERNAMA

MAM AKD

REPEAT aab